

## Keyakinan Pelabur Teguh: Sukuk Sime Darby Property Terlebih Langgan Sebanyak Lebih Lapan Kali

- Sukuk Musharakah Sime Darby Property terlebih pelanggan lebih lapan kali, dengan pesanan mencecah paras RM4.8 bilion dan mengatasi sasaran awal bernilai RM600 juta;
- RM200 juta daripada terbitan menyeluruh Sukuk diperuntukkan sebagai Sukuk mampan yang mengukuhkan lagi dedikasi Sime Darby Property terhadap kewangan mampan;
- Hasil daripada Sukuk akan memacu pelaburan masa depan Syarikat, meningkatkan perbelanjaan modal dan mengoptimalkan pembiayaan semula hutang.

**ARA DAMANSARA, 21 OGOS 2023** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mengumumkan hari ini kejayaan Syarikat melengkapkan terbitan Sukuk kedua di bawah Program Sukuk Musharakah dengan nilai nominal sebanyak RM600 juta.

Terbitan tersebut telah menarik perhatian pelbagai kumpulan pelabur berpendapatan tetap dan berkaliber tinggi; lebih pelanggan lebih daripada lapan kali; serta kutipan buku pesanan bernilai lebih daripada RM4.8 bilion. Sebanyak RM200 juta daripada terbitan Sukuk telah ditetapkan sebagai Sukuk Pelaburan Mampan, selari dengan Skim Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (*‘Sustainable and Responsible Investment’* atau “SKI”) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“Skim SRI”) dan/atau Piawaian Bon Lestari ASEAN yang dikeluarkan oleh ASEAN Capital Markets Forum (“Piawaian Bon Lestari ASEAN”)

Minat daripada pelabur kekal sepanjang proses pembinaan buku, dengan pengetatan harga sebanyak 5 hingga 12 mata asas merentasi tawaran Sukuk 3 tahun, 5 tahun dan 7 tahun dengan kadar keuntungan akhir sebanyak 4.08% setahun, 4.14% setahun dan 4.28% setahun masing-masing. Ini menunjukkan keyakinan para pelabur terhadap kredit kukuh dan kedudukan utama Sime Darby Property dalam sektor pembangunan hartanah.

Sejajar dengan Matlamatnya sebagai Pengganda Nilai Kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet, Syarikat bersedia untuk menggunakan hasil daripada Sukuk bagi menyokong pelaburan masa depan, sambil menambah baik struktur modalnya dan mengoptimalkan pengurusan hutang.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican, berkata, “Langgan berlebihan Sukuk kami yang ketara menggambarkan keyakinan pasaran terhadap Syarikat, dan mengukuhkan kedudukan kami sebagai pemaju hartanah terkemuka negara.”

“Sime Darby Property komited dalam mengekalkan saluran kewangan yang teguh. Program Sukuk Musharakah membuktikan komitmen ini dengan menyalurkan sumber untuk menyokong transformasi kami daripada pemaju hartanah tertumpu kepada perusahaan hartanah holistik, yang selari dengan Matlamat Kelestarian 2030 Syarikat,” tambah Dato’ Azmir.

Hasil daripada terbitan Sukuk Musharakah SRI Lestari ASEAN akan diuruskan mengikut kriteria yang ditetapkan di bawah Kerangka Sukuk Lestari Sime Darby Property dan Skim SRI dan Piawaian Bon Lestari ASEAN yang berkaitan. Rangka kerja ini menggariskan peruntukan hasil Sukuk yang mampan, penilaian projek yang layak, pengurusan dana yang teliti serta pelaburan impak yang telus.

Program Sukuk Musharakah Sime Darby Property telah diiktiraf dengan AA+IS serta tinjauan yang stabil oleh MARC Ratings Berhad.

Maybank Investment Bank Berhad adalah Penasihat dan Pengatur Utama (*'Principal Adviser dan Lead Arranger'*) bagi Program Sukuk Musharakah dan merupakan Pengurus Utama Bersama (*'Joint Lead Manager'*) dengan CIMB Investment Bank Berhad dan Public Investment Bank Berhad untuk terbitan sukuk.

**-TAMAT SIARAN-**

**Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri hartanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju hartanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobatkan sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)